

# Ada pihak bawa budaya ganas: Dr M

BH 14 JAN 2002

Oleh Wan Jailani  
Abdul Razak

LANGKAWI, Ahad - batuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, budaya ganas semakin menular di kalangan pelajar berikutan tindakan pihak tertentu yang membawanya sehingga golongan berkenaan sanggup berkelakuan sedemikian.

Perdana Menteri berkata, pelajar menjadi ganas berikutan terdapat orang yang mengajar supaya menjadi ganas.

"Ini bukan budaya kita. Kita bukan bangsa yang ganas tetapi ada orang yang berminat nak bawa budaya asing, budaya keganasan ke negara kita," katanya pada sidang akhbar di Oriental Village, Teluk Berau, pada akhir lawatan kerja dua hari ke sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas penahanan seorang pelajar sekolah menengah di Besut, Khamis lalu kerana didapati membawa tiga bahan peledak bersama sebiji peluru 9MM.

Akhbar hari ini melaporkan pelajar berkenaan ditahan setelah pengetua sekolah itu melaporkan perkara itu kepada polis.

Siasatan awal mendapati bahan yang dibawa ditinggalkan bapa saudaranya, seorang askar, di rumah datuknya di Besut dan pelajar berkenaan dikatakan membawa bahan itu ke sekolah hanya untuk berseronok.

Mengenai pendedahan kerajaan Singapura bahawa kumpulan yang ditahan pihak berkuasa republik bulan lalu kerana penganas, cuba

Pihak tidak bertanggungjawab itu kini mempengaruhi pelajar untuk bertindak ganas

mendapatkan 21 tan bahan letupan untuk membuat born trak, dikatakan menyembunyikannya di negara ini. Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima maklumat lanjut.

"Kita akan daoatkan maklumat daripada Singapura. Dia (pihak berkuasa Singapura) urus dengan polis, bukan saya," katanya.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata pihaknya sudah mendapat maklumat berhubung empat tan bahan letupan yang dikatakan disembunyikan di Malaysia sebelum perkara itu didekahkan negara itu.

Beliau berkata, pihaknya juga mendapat maklumat mengenai rancangan pembelian bahan kimia ammonium nitrat oleh anggota Kumpulan Jemaah Islamiah yang ditahan pihak berkuasa Singapura.

Mengenai hasil lawatan kerja dua hari ke Langkawi yang berakhir hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau secara keseluruhan berpuas hati tahap kemajuan beberapa projek pembangunan utama di sini.

Beliau yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim memulakan lawatan hari ini dengan meninjau projek pembesaran Litar Lumba Antarabangsa Kart Mofaz (Morac) di Padang

Matsirat.

Di litar itu, beliau sempat bertanya mengenai persiapan empat pelumba negara yang akan bertanding pada kejohanan Kart Rotax Max Grand Final edisi kedua mulai 25 hingga 27 Januari ini, Raja Razman Raja Idris, Ferhan Fawzy, Mahathir Ngau dan Rodney Magness.

Dr Mahathir kemudian singgah di Ta'an Buaya, Jalan Datai selum melawat Berjaya Reach & Spa Resort untuk meninjau projek penambahan 100 bilik dan kemudahan di Spa pusat perangan itu. Taklimat disampaikan oleh arkitek, Wan Fatimah Md Arshad.

Beliau mengakhiri lawatan dengan sekali lagi melawat projek pembinaan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village dan puncak Gunung Machinchang di Teluk Berau, destinasi yang dijangka bakal menjadi daya tarikan baru pelancong ke pulau ini.

Taklimat mengenai projek membabitkan kos RM45 juta dan kini dianggarkan 70 peratus siap, disampaikan Pengarah Urusan Wyss Planning Consultant, Dr Peter A Wyss.

Projek pembinaan kereta kabel jenis gondola enam penumpang dengan jarak 950 meter antara perhentian tengah dan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter itu, adalah yang terpanjang di dunia.